



SILAT TERUS 'MENYENGAT'

Meskipun menampilkan skuad lebih kecil seramai 11 atlit kerana sebahagian acara tanding tidak ditawarkan, pesilat negara masih mampu 'menyengat' dan mencapai sasaran memenangi dua pingat emas di Filipina. Mereka juga meraih dua emas di Sukan SEA Kuala Lumpur dua tahun lalu.

Pesilat tanding Muhammad Hazim Mohd Yusli dan trio seni Nujaid Hasif Zainal Abidin, Muhammad Nazrul Mohd Kamal dan Hamillatu Arash Juffrie tidak menghamparkan dan menang pingat emas yang diidamkan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob tidak dapat menyembunyikan rasa senang hati semasa bertemu wartawan dan menganggap skuad kali ini lebih baik daripada skuad yang beraksi di KL dua tahun lalu.

FOTO: SPO